



LAWATAN KE TAPAK RUNTUHAN BANGUNAN KONDOMINIUM THE ADDRESS, KUALA LUMPUR



Pada 14 Februari 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri KPKT telah melawat lokasi tapak runtuh bangunan kondominium The Address, Kuala Lumpur. Dalam insiden tersebut, dua mangsa yang terperangkap dalam runtuh berjaya diselamatkan.

YB Zuraida Kamaruddin menegaskan bahawa siasatan terperinci akan dijalankan di lokasi kejadian iaitu melibatkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN). Beliau turut menjelaskan bahawa siasatan akan dijalankan berhubung runtuh sebahagian struktur kondominium yang sedang dalam pembinaan oleh Jabatan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Manakala, satu perbincangan bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang merujuk kepada insiden ini akan dijalankan bagi melihat punca kejadian dan proses serta spesifikasi yang betul sama ada dipatuhi oleh pemaju di tapak pembinaan.

Selain itu, beliau turut merakankan ucapan terima kasih kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas usaha melakukan kerja penyelamatan. Dalam kerja penyelamatan kali ini, seramai 160 anggota bomba dan 70 anggota polis digerakkan ke tapak pembinaan tersebut.



Dalam masa yang sama, proses pembinaan bangunan kondominium itu dihentikan serta merta bagi memberi laluan kepada pihak berwajib untuk melakukan siasatan secara terperinci serta tindakan yang akan diambil bergantung kepada laporan yang disediakan.